

28/03/1997

Perak usaha elak kejadian ratakan bukit

IPOH, Khamis - Semua Pejabat Daerah dan Tanah di Perak diarah mengesan kegiatan pemaju yang membuka tanah secara besar-besaran dengan menebang hutan dan meratakan bukit bagi mengelak kejadian seperti di Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata pejabat terbabit juga diarah mengawasi kegiatan pemaju tempatan serta melaporkan segera kepada kerajaan negeri untuk diambil tindakan tegas.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini tiada kawasan hutan di Perak ditebang secara meluas seperti di Selangor.

"Tetapi pejabat daerah dan tanah yang lebih mengetahui mengenai kegiatan itu diarah mengawasi perkara itu serta melaporkannya kepada kerajaan negeri sebelum tindakan tegas diambil," katanya selepas mendengar taklimat mengenai cadangan sebuah syarikat swasta untuk membangunkan terminal bas baru di sini, hari ini.

Beliau mengulas arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kelmarin, supaya menyiasat kegiatan pembukaan tanah secara besar-besaran di utara Selangor.

Selaras itu, semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan diarah mengadakan pemeriksaan mengejut ke kawasan pembangunan bagi memastikan kegiatan penebangan pokok dan pemotongan bukit tidak dijalankan sewenang-wenangnya.

Ramli berkata, setakat ini, kalau ada pun kegiatan berkaitan, ia tidak berlaku secara meluas, kecuali yang pernah dilaporkan di kawasan bukit menuju ke pekan Lumut.

"Kerajaan negeri sudah mengarahkan pihak berkuasa tanah di Manjung supaya pemaju terbabit menghentikan projek membangunkan tanah atas bukit itu," katanya.

Beliau berkata, difahamkan projek itu sudah dihentikan tetapi tindakan tegas akan diambil jika pemaju terbabit ingkar.

Menurut Ramli, pihak berkuasa tempatan boleh bertindak terhadap pemaju yang tidak bertanggungjawab mengikut Akta Perancang, Akta Kualiti Alam Sekitar serta undang-undang sedia ada.

"Mana-mana pemaju yang ingkar akan dikenakan tindakan. Kita akan menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap mereka," katanya.

(END)